

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]

TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mencipta peluang-peluang kerja baru untuk rakyat yang sedang mencari kerja akibat Pandemik Covid-19 sekarang ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, dalam mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia yang kehilangan pekerjaan akibat COVID-19, beberapa inisiatif sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan. Antaranya adalah:

- i. meningkatkan pelaburan nilai tinggi melalui *Foreign Direct Investment* (FDI) dan *Domestic Direct Investment* (DDI) bagi meningkatkan penghasilan pekerjaan yang bersifat *high value jobs* dan *knowledge worker (k-worker)* agar kadar upah yang lebih tinggi dapat dinikmati oleh golongan ini;

SOALAN NO : 43

- ii. melaksanakan latihan-latihan kemahiran yang bersifat *internship* seperti Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) untuk meningkatkan jumlah peluang pekerjaan berkemahiran tinggi;
- iii. melaksanakan **Program Insentif Pengambilan Pekerja (*Hiring Incentives Programme*)**, Bantuan Mobiliti dan Program Latihan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (**PENJANA**). Inisiatif ini adalah bertujuan untuk merangsang pengambilan pekerja oleh majikan. Pencapaian program-program **di bawah PENJANA** bermula dari **5 Jun sehingga 22 Oktober 2020** adalah seperti berikut:
 - (a) Program ***MyApprentice*** - keutamaan diberi kepada graduan baharu atau *fresh graduate* atau pelajar lepasan sekolah. Insentif kewangan sebanyak **RM600** bagi pengambilan perantis dari kalangan graduan baharu (*fresh graduate*) atau lepasan sekolah dan **RM1000** untuk pengambilan perantis Orang Kurang Upaya dari kalangan *fresh graduate*. Seramai **4,433** perantis telah berjaya ditempatkan di bawah program ***MyApprentice***;
 - (b) Program ***HireMalaysia*** - pengambilan pekerja tempatan yang juga termasuk graduan. Seramai **51,020** pekerja telah berjaya ditempatkan;
 - (c) **Bantuan Mobiliti** secara ***one-off*** kepada pekerja yang berpindah dari lokasi tempat bermastautin ke tempat kerja baharu. Seramai **3,477** orang pekerja telah mendapat faedah melalui Bantuan Mobiliti ini.
 - (d) Program **latihan** untuk graduan dan pekerja berdasarkan keperluan majikan. Seramai **7,759** graduan dan pekerja telah mendapat manfaat dari program latihan;

SOALAN NO : 43

- iv. Kerajaan telah melaksanakan Portal Perkhidmatan Pekerjaan Nasional yang dikenali sebagai *MYFutureJobs*. Portal pekerjaan ini bertujuan membantu graduan mendapatkan pekerjaan. Sejak *MYFutureJobs* diperkenalkan, seramai 44,940 belia yang dalam lingkungan umur 20-29 tahun telah berjaya ditempatkan yang mana sebahagian besarnya dalam kalangan graduan;
 - v. PERKESO telah melaksanakan program Karnival PenjanaKerjaya. Setakat 16 Oktober 2020, sebanyak 205 program Karnival Pekerjaan telah dilaksanakan yang melibatkan penyertaan 504 majikan. Program ini telah berjaya menempatkan 3,174 orang graduan dan pencari kerja yang lain;
 - vi. **TalentCorp** terus menggiatkan usaha bagi menambah baik **ekosistem tenaga bakat muda negara dan pembangunan kebolehpasaran graduan**. Program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti ***Young Employable Students (YES!)***, ***Program Latihan Industri Berstruktur (SIP)***, ***Nurturing EXpert Talent (NEXT)***, ***Kolaborasi Industri-Akademia (IAC)*** dan ***Scholarship Talent Attraction & Retention (STAR)***; dan
 - vii. mengadakan sesi libat urus bersama pihak industri bagi membincangkan isu peluang pekerjaan sekaligus mengambil langkah-langkah bersesuaian bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.
2. Bagi menyokong usaha-usaha tersebut, Kerajaan perlu menyediakan pekerja-pekerja berkemahiran yang memenuhi keperluan industri. Sehubungan itu, beberapa langkah sedang diambil oleh Kementerian Sumber Manusia, iaitu ;
- i. Program *upskilling* dan *reskilling* disediakan kepada golongan pekerja bagi mempertingkatkan kemahiran mereka untuk menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan serta persekitaran global yang semakin kompetitif dan

SOALAN NO : 43

dinamik. Program *upskilling* dan *reskilling* dijalankan secara berterusan supaya kemahiran yang diperolehi sentiasa bersesuaian dengan keperluan industri semasa;

- ii. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah membangunkan *National Occupational Skills Standard* (NOSS) bagi 21 sektor ekonomi. NOSS telah menjadi rujukan dalam pembangunan program latihan di institusi-institusi latihan awam dan swasta mengikut tahap kemahiran yang diperlukan, dan dipantau secara bersama dengan *Industry Lead Body* (ILB) mengikut keperluan industri dan teknologi terkini;
- iii. memperluas akses kepada warganegara untuk mendapat Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET). Sehingga kini, terdapat 562 buah Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang telah ditubuhkan di seluruh negara dengan pelbagai kursus kemahiran ditawarkan mengikut keperluan industri; dan
- iv. KSM dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah diberikan peranan sebagai Pengerusi Bersama bagi menerajui Jawatankuasa Kerja Pembangunan Kemahiran dan Bakat (TWG-S) Industry4WRD. Jawatankuasa ini berperanan mengenal pasti keperluan pasaran buruh dan kemahiran yang diperlukan serta menyelaraskan dan melaksanakan usaha-usaha dalam memperkukuh kompetensi sumber manusia bagi menghadapi Industri 4.0. Usaha ini dapat dilakukan melalui program *upskilling and reskilling* yang disediakan kepada golongan pelajar kemahiran dan pekerja. Program ini akan mempertingkatkan kemajuan sendiri dalam menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan (*future jobs*) serta persekitaran global yang semakin kompetitif dan dinamik.

Sekian, terima kasih.